

14/05/1997

Skwadron Istiadat Berkuda naik taraf

SUNGAI BULOH, Selasa - Skwadron Istiadat Berkuda (SIB) akan dinaikkan taraf menjadi Rejimen Ke 21 Kor Amor Diraja (Istiadat) apabila keanggotaannya ditambah kepada 444 orang dan dilengkapi 145 ekor kuda.

Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar, berkata penubuhan rejimen baru itu bersesuaian dengan matlamat memantapkan perkhidmatan angkatan tentera negara ini.

"Idea menubuhkan skuadron ini diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan persiapannya mula dilaksanakan awal Januari tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, pada peringkat pertama, SIB mempunyai 58 anggota dan empat pegawai dengan kelengkapan 27 ekor kuda yang didatangkan khas dari Poland. Selepas ini, rejimen itu akan mempunyai pangkalan baru di Kuala Kubu Bahru.

Menurutnya, pemilihan kuda jenis Weilkopolski dibuat melalui kajian terperinci bagi memastikan kuda itu sesuai untuk unit berkenaan dan serasi dengan iklim di negara ini.

"Kuda yang dipilih berusia antara lima dan lapan tahun," katanya selepas upacara perasmian SIB di Kem Sungai Buloh di sini, hari ini.

Turut hadir Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Ismail Omar; Panglima Tentera Darat, Datuk Seri Che Md Noor Mat Arshad; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Azizan Hussain; Pengarah Kor Armor Diraja Kol Mohd Kamal Omar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzaman Sharif.

Syed Hamid berkata, tugas pasukan berkuda itu adalah sebagai pengawal berkuda di pekarangan Istana Negara, upacara Kawalan Kehormatan Berkuda Diraja serta menjadi Pengiring Berkuda Diraja.

Pada masa yang sama, katanya, semua kegiatan Rejimen Istiadat seperti Pengiring Kereta Diraja, Pengawal Tombak Diraja, Peniup Nafiri dan Pancaragam Kor Armor Diraja akan digabungkan di bawah satu pemerintahan yang lebih padu.

Menurutnya, Tentera Darat belum bercadang menggunakan unit SIB untuk tujuan mengawasi sempadan tetapi mungkin akan melaksanakannya jika difikirkan sesuai.

"Pasukan SIB menunjukkan keupayaan tinggi dalam melaksanakan upacara istiadat pada pagi ini, walaupun masa yang diperlukan untuk latihan sebenar adalah lapan bulan tetapi berjaya dilancarkan dalam masa tiga bulan," katanya.

Beliau berkata, SIB turut mendapatkan khidmat seorang jurulatih kuda dari Poland, Kapten Zbigniew, yang juga seorang jurulatih pasukan Olimpik Berkuda Poland dan dibantu dua pegawai veterinar.

"Kos membeli 27 ekor kuda ini kira-kira RM700,000 manakala kos penyelenggaraan seekor kuda dianggarkan RM5,700 sebulan," katanya.

(END)